PENANG

1 - 15 DISEMBER, 2023

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Pesara polis sukarelawan 101 tahun terima pengiktirafan

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD & ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN** – Berusia 101 tahun, pesara Konstabel Khas (SC) wanita, **ANG KIM CHOO** merupakan antara 72 individu yang tersenarai sebagai penerima Pingat Jasa Kebaktian (PJK) pada hari keempat dan terakhir Istiadat Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-74 Yang Dipertua Negeri (TYT), Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak di Dewan Sri Pinang pada 18 Oktober lalu.

Seusai majlis berkaitan, Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow diiringi Exco Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam, Lim Siew Khim dan mantan Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Dato' Seri Phee Boon Poh turut meluangkan masa menyantuni Kim Choo bersama-sama beberapa sanak saudaranya.

Kim Choo yang ditemui kemudian menzahirkan rasa bangga serta menganggap penganugerahan pingat tersebut sebagai satu pengiktirafan atas perkhidmatannya sebagai anggota SC tidak terlatih selama ini.

"Saya berkhidmat sebagai SC dalam beberapa tahun sahaja iaitu dalam lima atau enam tahun dan selepas itu saya membuat kerja sendiri untuk keluarga.

"Pada waktu itu, tidak perlu ikuti latihan seperti hari ini jika mahu bekerja sebagai SC.

"Saya bertugas menjaga pergerakan 'geng' di sekolah dan kawasan tertentu di sini," jelasnya semasa ditemui di sini.

Buletin Mutiara difahamkan Kim Choo mula direkrut sebagai polis sukarela dalam era kolonial British bermula 1 April 1954 dan bersara pada 1 Jun 1960.

Sepanjang dalam perkhidmatan selama enam tahun dua bulan, beliau dipertanggungjawabkan untuk mengawal kawasan kejiranan serta kerja-kerja pemeriksaan sekitar kawasan hutan bukit bukau yang terdedah kepada anasir gerakan gerila bersenjata komunis.

Berasal dari Kulim, Kedah dan kemudian berhijrah ke Pulau Pinang, beliau lalu menyertai gerakan polis sukarelawan yang mana bagi beliau memang sesuatu yang mencabar, namun keberanian dalam diri membuatkannya nekad dalam perkhidmatan.




**KETUA Menteri menyantuni Ang Kim Choo (duduk) yang menerima Pingat Jasa Kebaktian (PJK) pada Istiadat Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang dekat Dewan Sri Pinang di sini baru-baru ini.**

"Apabila keadaan negara kian stabil dan pasukan keselamatan negara memerlukan anggota yang lebih sedikit, saya mengambil keputusan untuk bersara," ujarnya.

Lahir pada 8 Oktober 1922, Kim Choo kini merupakan seorang balu dan mempunyai lima anak serta 12 cucu.

Sekalung penghargaan dan tahniah.

# TYT puji pentadbiran Ketua Menteri makmurkan ekonomi negeri, sejahterakan rakyat

Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR & DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow melafazkan ikrar taat setia bagi pihak barisan kepimpinan Kerajaan Negeri, pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam berserta rakyat Pulau Pinang sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-74 Yang Dipertua Negeri (TYT), Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak.

Semasa berucap, Kon Yeow menyatakan bahawa pentadbirannya senantiasa mendoakan kesejahteraan Tun Ahmad Fuzi dan isteri, Toh Puan Khadijah Mohd. Nor agar dilanjutkan usia dengan nikmat kesihatan yang berpanjangan serta akan terus menjadi tonggak pemerintahan negeri.

Dengan nasihat serta pandangan daripada Tun Ahmad Fuzi, Kon Yeow berkata bahawa pentadbirannya akan terus berusaha memakmurkan ekonomi negeri serta meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat.

"Seperti yang sedia maklum, Pulau Pinang telah mencatatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak 13.1 peratus atau RM112.1 bilion bagi tahun 2022, iaitu yang tertinggi berbanding negeri-negeri lain.

"Bagi tempoh Januari sehingga Jun 2023 pula, perkongsian perangkaan daripada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) menunjukkan bahawa Pulau Pinang telah merekodkan pelaburan yang diluluskan bagi sektor perkilangan berjumlah RM4.258 bilion merangkumi 67 projek dengan unjuran 4,738 peluang pekerjaan baharu.

"Prestasi cemerlang ini membuktikan bahawa kestabilan dan kemakmuran ekonomi negeri kini adalah lahir daripada dasar serta kepimpinan Kerajaan Negeri serta dedikasi dan iltizam seluruh rakyat negeri Pulau Pinang secara keseluruhan," jelasnya juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi dalam istiadat berkaitan yang berlangsung di Dewan Sri Pinang pada 14 Oktober 2023.

Berucap selepas itu, Tun Ahmad Fuzi berharap pentadbiran Kon Yeow terus memanfaatkan mandat serta kepercayaan yang diraih pada Pilihan Raya Negeri Pulau Pinang Ke-15 (PRN15) pada bulan lepas dengan majoriti dua pertiga untuk memakmurkan ekonomi negeri dan kehidupan rakyat jelata.

"Saya percaya dan yakin, amanah dan kepercayaan yang diberikan oleh rakyat negeri Pulau Pinang akan terus disahut dengan penyampaian perkhidmatan yang berintegriti dan cemerlang ke arah satu matlamat yang sama iaitu dalam menjayakan Visi Penang2030," ujarnya di sini.

Selain itu, Tun Ahmad Fuzi turut memuji kejayaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang menjadi antara negeri 'jaguh' pelaburan negara ketika itu.

"Pelaburan langsung asing (FDI) pula, mencatatkan sebanyak RM9.7 bilion atau 71 peratus daripada aliran masuk pelaburan pembuatan bagi tahun 2022 dengan baki berjumlah RM4 bilion merupakan pelaburan langsung domestik (DDI).

"Negeri Pulau Pinang turut mencatatkan RM13.7 bilion dalam pelaburan pembuatan yang diluluskan pada tahun 2022, melibatkan aliran masuk 135 projek dengan penjanaan sebanyak 15,752 peluang pekerjaan baharu di negeri ini.

"Ini menjadikan negeri Pulau Pinang penyumbang kedua tertinggi, dengan sumbangan sebanyak 16 peratus dalam pelaburan pembuatan yang diluluskan (dalam negara) pada tahun 2022," ulasnya lanjut.

Dalam perkembangan berkaitan, Tun Ahmad Fuzi memberitahu bahawa pihaknya mengikuti perkembangan terbaru berhubung isu gangguan bekalan beras peringkat sejagat yang turut mengakibatkan kenaikan harga komoditi itu di tanah air ini.

Justeru, beliau berharap pentadbiran Kon Yeow mengeratkan lagi kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan bagi menjayakan Program Intervensi Pengedaran Beras Putih Tempatan yang mana baru-baru ini negeri Pulau Pinang dilaporkan menerima 45,000 kilogram (kg).

Pada hari tersebut, tujuh bekas Exco Kerajaan Negeri menerima anugerah darjah kebesaran dan bintang atas sumbangan masing-masing sebelum ini.



TYT Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak berkenan menghadiri upacara perbarisan sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-74 baru-baru ini.

Mereka ialah mantan Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; mantan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Dato' Mohd. Sayuthi Bakar; mantan Exco Perdagangan, Industri dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain; mantan Exco Alam Sekitar dan Kebajikan, Phee Boon Poh dan mantan Exco Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam, Chong Eng menerima Darjah Gemilang Pangkuan Negeri (D.G.P.N) yang membawa gelaran Dato' Seri.

Mantan Exco Agroteknologi & Keterjaminan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Norlela Ariffin; mantan Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee dan bekas Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Yeoh Soon Hin masing-masing turut dianugerahkan Darjah Setia Pangkuan Negeri (D.S.P.N) yang membawa gelaran Dato'.

## Terima darjah kebesaran satu pengiktirafan, kata mantan Exco

**GEORGE TOWN -** Mantan Timbalan Ketua Menteri I, **DATO' IR. AHMAD ZAKIYUDDIN ABDUL RAHMAN** antara penerima Darjah Gemilang Pangkuan Negeri (D.G.P.N) yang membawa gelaran Dato' Seri sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-74 Yang Dipertua Negeri (TYT), Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak yang berlangsung di sini pada 14 Oktober 2023.

Bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal itu memberitahu Buletin Mutiara bahawa penganugerahan tersebut dianggap sebagai satu pengiktirafan daripada Tun Ahmad Fuzi serta Kerajaan Perpaduan Negeri Pulau Pinang.

"Saya mengucapkan terima kasih kepada TYT (Tun Ahmad Fuzi) dan pentadbiran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang telah menyenaraikan saya sebagai penerima anugerah ini.

"Saya amat berbangga dengan penerimaan anugerah ini (yang mana) saya anggap sebagai pengiktirafan atas perkhidmatan saya kepada rakyat negeri Pulau Pinang sebelum ini," jelasnya yang kini berusia 65 tahun.

Difahamkan, Ahmad Zakiyuddin pasca Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) pada 9 Mei 2018 merupakan Exco Hal Ehwal Agama Islam, Koperasi dan Pemerkasaan Komuniti.

Nada hampir sama turut dikongsi oleh mantan Exco Perdagangan, Industri dan Pembangunan Keusahawanan, **DATO' ABDUL HALIM HUSSAIN**.

"Terima kasih atas pemberian anugerah darjah kebesaran dan pingat daripada pihak Kerajaan Negeri.

"Penganugerahan ini walaupun saya menerimanya, bagi saya satu pengiktirafan kepada rakyat yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memajukan negeri Pulau Pinang selama ini," jelasnya yang juga bekas ADUN Batu Maung.

Selain itu, Abdul Halim, 62, berkata bahawa beliau turut menyokong amanat Tun Ahmad Fuzi serta pentadbiran Kon Yeow dalam usaha berkaitan keterjaminan makanan.

"Bagi saya, sejak pandemik COVID-19 sebenarnya telah mengubah banyak tabiat kita, mempercepat pendigitalan serta memberi kesedaran kepada Kerajaan Negeri berhubung peri penting isu keterjaminan makanan," ujarnya.

Mantan Exco Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam, **CHONG ENG** turut menerima D.G.P.N daripada Tun Ahmad Fuzi.

Bercakap kepada pemberita, Chong Eng, 66, menyatakan bahawa pada usia emas beliau menganggap penganugerahan yang diterimanya adalah suatu pengiktirafan daripada Kerajaan Negeri hari ini.

"Paling penting dalam usia emas, usaha menyemarak kesedaran berhubung berkaitan status Pulau Pinang sebagai negeri penuaan kedua negara selepas Perak, seperti diamanatkan dalam ucapan TYT sebelum ini memerlukan komitmen bersama pada peringkat akar umbi," ulasnya yang juga bekas ADUN Padang Lalang.

# ‘*Silicon Island*’, 70% nelayan daftar SIMP

Gambar : **SITI NURATIKAH RAHMAT**



DR. Mohamad Abdul Hamid (tengah) menyampaikan kunci replika kepada salah seorang nelayan yang layak menerima bangsal dekat Kampung Binjai di sini baru-baru ini.

**BAYAN LEPAS –** Dua nelayan Tahap 1 Siri Pertama yang telah mendaftar menerusi Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP) menerima bantuan bangsal konkrit baharu di Permatang Tepi Laut.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato’ Dr. Mohamad Abdul Hamid menyatakan bahawa sehingga kini, 70 peratus nelayan yang terlibat dengan pembangunan *‘Silicon Island’* sudah mendaftar di bawah SIMP.

“Perkembangan tersebut adalah positif kerana tanggapan umum selama ini adalah nelayan membantah projek berkaitan.

“Jelas realitinya bukan begitu kerana sebaik sahaja nelayan mendapat tahu projek berkaitan sudah mendapat kelulusan untuk memulakan penambakan, mereka bersedia untuk mendaftarkan nama untuk SIMP.

“Mereka tidak bertindak balas dengan menentang projek kerana golongan nelayan sebenarnya berfikiran terbuka dan menerima pembangunan,” ujarnya pada Majlis Perasmian dan Penyerahan Bangsal Nelayan serta Penyampaian Hadiah Kecemerlangan dan Kemasukan ke Institut Pengajian Tinggi (IPT) dekat Kampung Binjai di sini 5 Oktober lalu.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz; Pegawai Daerah bagi Daerah Barat Daya (DBD), Mohd. Hafiz Aswad Nadzri dan Ketua Pegawai Eksekutif Penang Infrastructure Corporation (PIC), Dato’ Seri Farizan Darus.

Mohd. Noor Ramli dan Shoib Ibrahim merupakan dua penerima bangsal terawal melalui SIMP dan bakinya akan menerima secara berperingkat selain anak-anak nelayan menerima bantuan ke institusi pengajian tinggi (IPT).

Mengulas lanjut, Mohamad yang juga ADUN Batu Maung memberitahu bahawa sehingga 4 Oktober 2023, seramai 347 daripada 496 nelayan Tahap 1 yang berkelayakan telah mendaftar untuk SIMP.

Tambah beliau, sebelum projek mendapat kelulusan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) pada 21 Julai, peratusan pendaftaran nelayan Tahap 1 sejak pengumuman SIMP pada awal 2021 adalah 56 peratus.

Difahamkan, unit nelayan yang dikategorikan sebagai Tahap 1 adalah yang terletak paling hampir dengan tapak *‘Silicon Island’* meliputi unit di Permatang Tepi Laut, Sungai Batu, Gertak Sanggul dan Teluk Kumbar manakala Tahap 2 adalah unit Pulau Betong, Kuala Sungai Burung, Seri Jerjak, Telok Tempoyak dan Batu Maung.

“Mereka yang layak menerima manfaat di bawah SIMP oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, mesti aktif dan berdaftar dengan Jabatan Perikanan.

“Antara manfaat SIMP adalah penerimaan bantuan kewangan *(ex-gratia)*, pengambilan kursus kemahiran seperti kursus jurumudi manakala tekong dari kawasan Tahap 1 juga ditawarkan bot yang lebih besar serta enjin lebih berkuasa agar mereka dapat pergi lebih jauh untuk menangkap ikan,” ulasnya lanjut.

# Keterjaminan tenaga masa hadapan, capai rundingan baik

**GEORGE TOWN -** Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Tenaga Nasional Berhad (TNB), Datuk Seri Ir. Baharin Din menyerahkan cek replika sumbangan berjumlah RM689,500 kepada Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Pulau Pinang Selatan.

Beliau memberitahu Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow bahawa sumbangan di bawah program tanggungjawab sosial korporat (CSR) tersebut akan diagihkan kepada 111 anggota dari Unit Nelayan Gelugor dan Unit Nelayan Batu Uban.

Menurutnya, golongan nelayan tersebut merupakan yang terjejas dek projek penyambungan terus bekalan elektrik daripada Grid Nasional ke Pulau Pinang melalui penghantaran talian atas dari tanah besar Semenanjung yang mana kini sedang dilaksanakan serta dijangka siap pada bulan September 2024.

Berucap selepas itu, Kon Yeow menyatakan bahawa penyampaian sumbangan CSR tersebut sekali gus melambangkan keprihatinan Kerajaan Negeri serta agensi berkaitan terhadap rakyat termasuk usaha-usaha membangunkan komuniti nelayan di Pulau Pinang.

“Sebagai Ketua Menteri, saya mengucapkan tahniah kepada persatuan dan nelayan-nelayan yang terlibat, TNB serta agensi kerajaan kerana dapat berunding dengan baik, saling memahami dan akhirnya mencapai penyelesaian yang membawa manfaat kepada semua pihak,” jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan dalam majlis berkaitan di Hotel Jen di sini pada 14 Oktober 2023.

Di samping itu, Kon Yeow memberitahu bahawa pelaburan modal kira-kira RM500 juta yang sedang dilaksanakan oleh TNB tersebut adalah penting bagi menyediakan keterjaminan tenaga di bahagian pulau kini dan pada masa hadapan.

“Keupayaan pembekalan tenaga elektrik seumpama ini adalah amat diperlukan sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi meliputi pelbagai bidang termasuk perindustrian, pembangunan infrastruktur, pengangkutan dan pelancongan.

“Keterjaminan bekalan tenaga elektrik dan kestabilannya adalah bagi memperkasakan pembangunan fizikal termasuk rangkaian perhubungan jalan raya, pengangkutan awam, meningkatkan kapasiti pelabuhan dan juga lapangan terbang,” ujarnya yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi.

Buletin Mutiara difahamkan bahawa projek pengukuhan bekalan elektrik melalui sambungtara talian atas secara penghantaran *‘monopole’* dengan rekaan unik sepanjang 8.5 kilometer (km) tersebut adalah bersebelahan Jambatan Pulau Pinang.




Oleh: **AZMI HUSSIN**

# Teruja bersaing dengan atlet dunia

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN & S. CHRISTOPHER**

**SUHU** sangat sejuk, keadaan permukaan jalan tidak rata dan pemakanan berbeza menjadi antara cabaran awal yang perlu ditempuhi atlet larian jarak jauh, **S. CHRISTOPHER** pada *World Athletics Road Running Championships* di Riga, Latvia.

Atlet berusia 30 tahun itu merupakan wakil tunggal negara yang melepasi kelayakan untuk menyertai kejohanan dunia tersebut selepas berjaya mencatatkan masa persendirian 1 jam 9 minit 55 saat bagi acara separuh maraton sejauh 21 kilometer di Southport, Gold Coast, Australia pada 1 Julai lalu.

Ketika ditemui, Christopher yang juga Laskar Kanan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) baru sahaja pulang dari Kejohanan Olahraga Angkatan Tentera Malaysia Ke-58 yang diadakan di Kompleks Sukan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Pangkalan Udara Sendayan, Negeri Sembilan.

Bercerita mengenai penyertaan beliau dalam kejohanan dunia di negara Baltik itu, keadaan cuaca yang amat sejuk merupakan antara cabaran terbesar buat beliau.

"Memang cuaca di Riga sangat sejuk, adakala suhu bawah 12°C," katanya memulakan bicara.

Menurut anak kelahiran Pulau Pinang itu, beliau tiba di Riga pada 28 September 2023 selepas menempuhi penerbangan selama 26 jam.

"Memandangkan kos yang agak tinggi, saya bergerak sendirian dari Malaysia ke Latvia.

"Apabila tiba di sana, pihak penganjur dari *World Athletics* banyak membantu terutama apabila terdapat kekangan berbahasa yang mana tidak ramai bertutur dalam bahasa Inggeris.

"Sempatlah saya melakukan dua kali latihan untuk sesuaikan diri dengan keadaan cuaca dan jalan di sana.

"(Dan) dari latihan tersebut baru saya tahu yang keadaan trek (jalan) di sini juga berbeza, tak sama seperti kejohanan sebelum ini.

"Pusat bandar Riga tersebut merupakan Tapak Warisan Dunia UNESCO jadi keadaan jalan di sana ada yang berbatu bata, ada berbukit dan bukannya jalan landai rata macam di sini.

"Tetapi saya tetap melakukan yang terbaik," ceritanya.

Tambah Christopher, sebelum peserta dilepaskan, beliau mempunyai keyakinan untuk kekalkan momentum kelajuan bagi 10 kilometer pertama.

"Namun, apabila tiba di kilometer kelapan, kaki saya mulai kejang.



RAKAMAN gambar S. Christopher (empat dari kanan) bersama-sama Ketua Menteri Pulau Pinang, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan ahli jawatankuasa *Penang Forward Sports Club* sebelum berlepas ke Latvia.

"Walaupun acara bermula pada sebelah petang, tetapi angin sejuk agak kencang," katanya.

## Pengalaman di negeri orang

Selain keadaan laluan yang agak mencabar di Riga, Christopher menyatakan bahawa pemakanan orang lokal di sana juga amat berbeza.

"Sarapan pagi saya tidak mempunyai masalah untuk makan kerana mereka menyajikan makanan yang biasa seperti roti, susu, bijirin, telur dan sebagainya.

"Cuma apabila makan tengah hari dan makan malam, memang tidak boleh (diterima tekak), dari segi rasa dan penyediaan memang berbeza, tak macam kita di sini.

"Namun, saya perlu juga mengisi perut supaya dapat mengekalkan tenaga optimum menghadapi kejohanan," kongsinya.

Bukan setakat berbeza persekitaran dan makanan, dari segi fasiliti juga amat berbeza.

Christopher memberitahu bahawa bagi sukan olahraga yang diceburinya itu, masih belum mencapai tahap terbaik.

"Dari segi fasiliti memang atlet seperti kami tidak mempunyai tempat khas untuk menjalani latihan jika dibandingkan beberapa negara luar yang menyediakan tempat untuk latihan atlet.

"Di sini kami perlu bersaing dengan slot acara dan tidak mempunyai tempat khas untuk latihan.

"Bukan fasiliti sahaja, untuk cari penaja juga sukar, jadi mungkin perkara ini boleh diberi perhatian oleh pihak kerajaan," sarannya.

## Teruja bersaing dengan atlet dunia

Walaupun berada pada kedudukan ke-84 dalam kejohanan dunia tersebut dengan catatan masa 1 jam 11 minit 42 saat, ia cukup meletakkan beliau kini pada kedudukan ketiga terbaik di Asia di belakang dua atlet larian jarak jauh Jepun dan pertama di Asia Tenggara.

"Syukur dengan pencapaian baru-baru ini, namun saya masih mahu memperbaiki *personal best* ketika di Gold Coast tempoh hari.

"Buat masa ini, saya bersama-sama jurulatih merancang untuk melayakkan diri menyertai acara separuh maraton di Dubai pada November 2023.

"(Dan) saya akan jadikan pengalaman di Gold Coast serta Riga sebagai 'bekalan'," jelasnya sambil berkongsi mengenai sesi latihan yang dijalankan sebagai persediaan.

Teruja dan gembira, itulah yang digambarkan oleh Christopher apabila dapat bertemu dengan pelari-pelari jarak jauh terkemuka terutama dari Kenya dan Ethiopia.

"Di sana, memang nampak tahap kelajuan atlet yang berbeza, mereka (atlet dunia) sangat laju terutama dari negara Afrika.

"Ada beberapa pelari jarak jauh yang memang saya minati turut menyertai kejohanan tersebut dan *happy* apabila dapat bersaing bersama-sama mereka," ujarnya.




TERUJA berjumpa Sebastian Kimaru Sawe (kiri) yang menjadi juara dunia dengan catatan masa 59:10 pada kejohanan tersebut.

Sebagai rekod, tiga atlet dari Kenya menggungguli carta *World Athletics Road Running Championships* dengan catatan 59 minit 10 saat (rekod kejohanan) oleh Sabastian Kimaru Sawe; Daniel Simiu Ebenyo (59:14 - catatan masa terbaik musim) dan Samwel Nyamai Mailu (59:19 - catatan masa persendirian terbaik).

Manakala, atlet dari Ethiopia menduduki tempat keempat dengan catatan masa 59:22.

Difahamkan, selain Kenya dan Ethiopia, antara negara yang menyertai kejohanan dunia tersebut adalah Perancis, Rusia, Eritrea, Jepun, Morocco, Djibouti, Itali, Uganda, Amerika Syarikat, Belgium, Jerman, Britain, Burundi, Austria, New Zealand, Brazil, Ecuador, Kyrgyzstan, Singapura dan Honduras.

## Sekadar kumpul sijil penyertaan

Sesiapa pun tidak boleh menduga apabila anak sulung dari tiga adik-beradik tersebut pada mulanya hanya menyertai acara larian sekadar untuk mengumpul sijil penyertaan.

"Saya baru habis SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) dan cuba untuk sertai acara larian sebab nak kumpul sijil.

"Tetapi lama-kelamaan timbul minat sehingga berjaya menyertai SUKMA (Sukan Malaysia) pada tahun 2014 seterusnya layak ke *Asian Junior Athletics Championships U20* (bawah 20 tahun)," kongsinya.

Di bawah pengawasan jurulatih G. Suntheren, Christopher memberitahu bahawa beliau akan berlatih selama sejam hampir setiap hari.

"Kadang-kadang latihan dijalankan di Stadium Bandaraya atau di Universiti Sains Malaysia (USM), ada juga di Padang Polo," katanya.

Menjawab pertanyaan mengenai sumber inspirasi, Christopher menyatakan bahawa ibunya, Jacqueline Lourdu Nathan, 54, dan bakal isteri, Magdalene S. Anthony merupakan antara insan istimewa yang sentiasa memberi sokongan penuh kepadanya termasuk minatnya dalam sukan larian jarak jauh ini.

## Sabar, disiplin diri penting

Selain minat yang mendalam, sabar dan disiplin kendiri perlu ada pada diri, itulah yang Christopher terapkan sejak 'jatuh cinta' terhadap acara larian jarak jauh.

"Disiplin di sini ada pelbagai termasuk jadual harian yang merangkumi waktu latihan, waktu rehat, waktu makan dan sebagainya.

"Saya percaya jika kita mempunyai disiplin kendiri yang tinggi, apa-apa jua yang kita lakukan pastikan akan berjaya.

*(Sambungan di muka 5).*

# Disiplin tinggi kunci kejayaan




MENGIBARKAN bendera *Penang Forward Sports Club* di Riga.



CHRISTOPHER Soosai (dua dari kiri) bersama-sama rakan pelari jarak jauh dari Amerika Syarikat.

*(Sambungan dari muka 4).*

"Setiap hari saya juga akan pastikan saya mendapat tidur yang mencukupi kerana tidur yang cukup sangat penting dalam mengekalkan badan yang sihat," katanya yang tidak mempunyai sebarang diet ketat sebaliknya menikmati makanan seimbang demi stamina.

### Sasaran dan harapan

Tidak hanya ingin memperbaiki catatan masa persendirian dalam kejohanan yang disertai, Christopher juga berhasrat untuk menyertai Sukan Asia Tenggara di Thailand pada Disember 2025 nanti.

"Saya ada jurulatih dalam perancangan dan kalau boleh memang nak menyertai Sukan SEA 2025 akan datang.

"(Dan) saya juga berharap agar suatu hari nanti ataupun penghujung tahun hadapan dengan stamina yang ada, saya mahu menyertai acara maraton penuh iaitu sejauh 42 kilometer," luahnya sambil berharap untuk mengekalkan kecergasan kini ke kejohanan akan datang.

Pernah menyepi selama tiga tahun sekitar tahun 2015 sehingga 2017 susulan kecederaan yang dialami di tempat kerja, kini beliau kembali dengan tekad dan semangat baharu untuk terus melakar kejayaan.

### Penghargaan

Sebelum mengakhiri pertemuan, Christopher sempat menzahirkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada kelab sukan, *Penang Forward Sports Club* yang banyak membantu merintis perjalanan beliau sepanjang bergelar atlet larian jarak jauh.

"Terima kasih kepada Datuk Tom Khoo (Penasihat *Penang Forward Sports Club*) yang telah menaja tiket penerbangan, penginapan dan lain-lain kos untuk menyertai kejohanan di Riga.

"Terima kasih juga kepada Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) yang turut memberi sumbangan penajaan," ujarnya yang merupakan ahli kelab sukan terbabit sejak tahun 2011.



# ‘Tidak ada apa yang tidak boleh dijahit’

# Abdul Aziz kekal *‘legend’*

**MENGGUNAKAN** slogan ‘tidak ada apa yang tidak boleh dijahit’, tukang jahit di Bazar Penang, **ABDUL AZIZ MOHD. HUSSIN** tidak asing lagi dalam kalangan warga George Town dan sudah bertaraf *‘legend’*.

Beliau sudah bertapak bersama mesin jahitnya di celah kesibukan Bazar Penang atau dikenali warga tempatan sebagai ‘jual murah’ dilihat begitu strategik.

Manakan tidak, Bazar Penang rata-ratanya adalah terdiri daripada peniaga yang menjalankan perniagaan berasaskan kain ela, baju, seluar, beg dan barangan cenderamata.



ABDUL Aziz Mohd. Hussin bersama-sama lukisan menggambarkan dirinya di Bazar Penang.

“Saya sudah menjalankan kerja ini (menjahit) sejak 55 tahun lalu yang mana kemahiran ini diwarisi daripada ayah saya yang sebelum itu menjalankan kerja-kerja menjahit di sini.

“Asalnya saya kurang berminat menjahit tetapi selepas waktu sekolah, saya datang ke sini untuk membantu ayah saya sehinggalah saya menamatkan alam persekolahan dan mencari kerja baharu sebagai penghantar surat khabar.

“Pada masa itu, ayah memang marah kepada saya kerana dia tidak suka saya melakukan kerja tersebut, tetapi pada masa sama saya masih datang dan membantu dia menjahit di sini,” ujarnya ketika ditemui penulis Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** bersama-sama jurugambar, **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR** di sini pada 3 Oktober 2023.

Tukang jahit, Abdul Aziz juga pernah berkhidmat sebagai konduktor dan pemandu bas di *Penang Yellow Bus Corporation* selama empat tahun sebelum menjadi pemandu lori di Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) selama 32 tahun sambil melakukan kerja-kerja menjahit secara sambilan selepas waktu kerja.

Menurut beliau, pada era 1970-an, kewujudan tukang jahit sepertinya memang ramai sehingga mencecah 12 orang, namun kini cuma tinggal dua hingga tiga individu sahaja termasuk anaknya, Mohd. Redzuan Abdul Aziz yang menjalankan kerja tersebut secara sambilan.

Antara perkhidmatan jahitan yang dijalankan oleh Abdul Aziz adalah jahit tepi, ubah suai saiz pakaian, seluar jean, beg dan bermacam-macam lagi.

“Sebab itulah saya tulis di depan itu, tidak ada apa yang tidak boleh dijahit, tetapi seperti biasalah masyarakat kita ni suka bergurau.

“Ada yang ‘mai’ tanya, mulut orang boleh jahit tak? Manusia boleh jahit tak? Jadi, saya pun bergurau juga, asalkan jarum kalau boleh masuk apa pun saya boleh jahit termasuk manusia.



MOHD. Redzuan Abdul Aziz di premis ayahnya.

“Cuba tengok di hospital, doktor pun jahit manusia juga menggunakan jarum dan benang khas,” selorohnya yang mempunyai karakter peramah serta ceria.

Selama 55 tahun berkecimpung dalam bidang tersebut, pelbagai kerenah pelanggan yang ditemuinya dan beliau turut mengimbau beberapa peristiwa yang mencuit hati.

“Ada seorang perempuan ni, dia baru beli blaus untuk dipakai dalam majlis makan malam syarikat suaminya dan berhasrat untuk masuk pertandingan pakaian tercantik tetapi baju yang dibeli itu agak besar sikit daripada saiz badannya.

“Dia kata lebih sembilan tukang jahit dia sudah cari dan semuanya mengatakan tidak boleh buat dan saya merupakan orang yang ke-10 dia bertanya.

“Perempuan itu sangat marah sehingga dia menyatakan bahawa sekiranya saya tidak boleh buat juga (ubah suai) dia akan buang baju tersebut di hadapan saya.

“Saya kata ‘mai’ la tengok baju… dia beri dan lepas itu saya kata boleh buat dan dia berterima kasih, cuma dia tidak datang balik, kalau datang saya nak tanya menang atau kalah pakaian tercantik,” selorohnya.

Bukan itu sahaja kata Abdul Aziz, ada juga pelanggan yang datang ke premisnya dan mempertikaikan kebolehan beliau menjahit.

“Dia datang ke sini tanya boleh jahit beg atau tak? Saya kata, boleh dan dia tanya banyak kali, sampai saya tanya balik dekat dia apa masalah puan? Sekarang beg puan yang bermasalah atau mesin saya bermasalah, sebab dia nampak mesin jahit saya adalah mesin jahit baju.

“Sedangkan mesin yang sama boleh digunakan untuk menjahit beg, cuma perlu tukar jarum, lalu dia pun beri beg tersebut dan saya menjalankan jahitan dengan kos RM30 sahaja,” maklum beliau yang berasal dari Jalan Kedah.

Tidak terkecuali adalah peristiwa kebakaran melibatkan bazar tersebut pada tahun 1980-an dan 1990-an yang mana kedua-dua kejadian tersebut turut melibatkan premisnya.

Walau bagaimanapun, Abdul Aziz menzahirkan rasa syukur kerana dalam kejadian tersebut tiada sebarang kemalangan jiwa mahupun kecederaan berlaku memandangkan kebakaran terjadi pada waktu malam.

Menjawab mengenai pelanggan, Abdul Aziz menyatakan bahawa beliau masih mampu mendapat 10 hingga 20 pelanggan setiap hari.

“Adakalanya saya akan beri kepada anak saya kerana saya cuma ambil tempahan mengikut keperluan sahaja… lebih kepada santai-santai.

“Saya tidak mahu terlalu stres… tetapi daripada duduk sahaja di rumah lebih baik saya penuhi masa lapang dengan menjahit di sini sambil berjumpa kawan-kawan dan sebagainya,” maklumnya.

Ditanya mengenai perancangan, Abdul Aziz memberitahu bahawa perniagaannya akan terus kekal di situ selagi kudratnya masih mampu untuk terus menjalankan kerja-kerja menjahit.

“Legasi itu terpulang kepada anak saya sama ada mahu suruh anaknya teruskan atau tidak, lagi pun anak dia masih kecil, biar mereka yang tentukan masa depan mereka sendiri,” katanya menutup bicara.

Dalam pada itu, **MOHD. REDZUAN** ketika ditemui memberitahu bahawa ayahnya sentiasa mengutamakan kejujuran ketika berurusan dengan pelanggan.

“Jujur dan amanah, itulah pesanan yang selalu ayah berikan kepada saya, kalau sudah berjanji dengan pelanggan esok, maka esoklah kena siapkan.

“Kalau ada hal kecemasan kena maklumkan awal kepada pelanggan bahawa baju mereka tidak dapat disiapkan atas sebab-sebab tertentu,” ulasnya lanjut.

# Bawa produk usahawan IKS ke peringkat global

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**




RASHIDI Zinol (empat dari kiri) bersama-sama beberapa usahawan tempatan semasa lawatan ke tapak agropelancongan dekat Jeti Labuh Banting.

**INDUSTRI** Kecil dan Sederhana (IKS) merupakan antara sektor penting yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri Pulau Pinang dan membuka banyak peluang pekerjaan untuk penduduk tempatan.

Di Pulau Pinang, terdapat banyak produk keluaran IKS tempatan yang berkualiti sama ada dari segi cita rasa atau pembungkusan yang dilihat agak menarik dan setanding dengan produk jenama popular yang ada di negara ini.

Menurut Exco Perdagangan dan Pembangunan Keusahawanan & Luar Bandar, **RASHIDI ZINOL**, kekurangan dari promosi smenyebabkan banyak produk IKS tempatan masih belum dikenali dalam kalangan penggemar produk lokal.

Beliau berkata, beberapa strategi pemasaran yang lebih berkesan perlu difikirkan oleh pihak-pihak berkaitan termasuk agensi-agensi Kerajaan Negeri untuk membantu usahawan IKS mempromosikan produk mereka ke pasaran yang lebih luas.

"Kita lihat di Pulau Pinang banyak sekali produk keluaran usahawan IKS tempatan yang mana kalau dilihat dari segi jenama dan pembungkusan boleh pergi lebih jauh.

"Apa yang saya lihat hasil daripada lawatan ke *Perda Food Park*, produk-produk IKS mempunyai kemampuan dari segi pengeluaran yang mana kemudahan untuk penghasilan produk itu telah tersedia.

"Mungkin yang kurang adalah dari segi strategi promosi yang menyebabkan banyak produk IKS yang dilihat berkualiti tetapi gagal dipasarkan secara lebih meluas sekali gus gagal mencapai *profit* yang ditetapkan.

"Oleh itu, sebagai Exco Pembangunan Keusahawanan, saya bertanggungjawab menyelesaikan masalah-masalah tentang pemasaran ini dan membawa produk usahawan IKS ke peringkat nasional atau global," katanya kepada wartawan Buletin Mutiara sempena lawatan tapak agropelancongan dekat Jeti Nelayan Labuh Banting, Tasek Gelugor pada 5 Oktober lalu.

Difahamkan, *Perda Food Park* yang kini menempatkan 27 kilang IKS tempatan akan diperluaskan dan dijenamakan sebagai *Halal Park* pada tahun 2025 bagi menarik lebih ramai pelanggan.

## Pasukan khas pemasar produk

Rashidi yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Acheh memberitahu bahawa bagi membantu usahawan IKS mengembangkan lagi pasaran produk mereka, satu pasukan pemasaran khas bakal diwujudkan bagi tujuan tersebut.

"Sebelum ini kita sudah ada bahagian pengurusan tetapi usahawan tetap berdepan masalah kerana mereka perlu mengendalikan sendiri perniagaan mereka dari proses pengeluaran produk sehingga ke pemasaran dan keadaan ini sangat memenatkan.

"Ini kerana kerja-kerja pemasaran bukan sesuatu yang mudah… sebab itu usahawan perlu melantik syarikat khas yang mempunyai pengalaman dan ada rangkaian dalam bidang ini, dengan ini sudah pastinya memerlukan kos.

"Oleh itu, selain menyediakan tempat untuk usahawan menjalankan perniagaan, kita juga sedang melihat beberapa kaedah yang boleh dilaksanakan bagi membantu usahawan dari segi promosi produk.




*PERDA Food Park* yang kini menempatkan 27 kilang IKS tempatan akan diperluaskan dan dijenamakan sebagai *Halal Park* pada tahun 2025 bagi menarik lebih ramai pelanggan.

"Usaha ini boleh dijalankan melalui kerjasama beberapa agensi yang terlibat seperti Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (Perda), Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) dan lain-lain," cadang beliau lagi.

Rashidi menyatakan bahawa penubuhan jawatankuasa khas tersebut adalah pelengkap kepada pelbagai inisiatif dan program yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dan Perda sebelum ini.

"Kerajaan Negeri dan Perda telah melaksanakan pelbagai program seperti Ekspo Usahawan dan Pesta Pulau Pinang yang bagi saya memberi impak cukup besar dalam mempromosi produk usahawan tempatan.

*(Sambungan di muka 15).*

# Pesta Sungai promosi produk



AKTIVITI rekreasi yang dijalankan.

**PADA** bulan Ogos lepas, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Terus mencipta satu lagi rekod kejayaan iaitu johan Anugerah Khas Sumber Air Negara Peringkat Kebangsaan 2023 anjuran Kementerian Alam Sekitar dan Air yang berlangsung di Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Kejayaan tersebut adalah yang keempat diraih oleh MPKK tersebut selepas mendapat Anugerah MPKK Terbaik Negeri Pulau Pinang 2020, dan dua Anugerah Arkitek Landskap Malaysia 2019 serta 2022 bagi Kategori Kerajaan (Anugerah Inisiatif Hijau) daripada Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM).

Setiausaha MPKK Kampung Terus, **MOHD. FATHONI HASNAANI**, 57, memberitahu wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD** bahawa kejayaan meraih anugerah keempat tersebut adalah hasil kerjasama kolektif peringkat lokal serta sokongan daripada pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) dan juga pihak Dato' Dr. Norlela Ariffin (mantan Ahli Dewan Undangan Negeri Penanti) sendiri.

"Semasa sesi perbentangan projek cadangan di Putrajaya, kami diminta oleh juri untuk menjawab beberapa soalan teknikal seperti bagaimana aktiviti di muara sungai ini berlaku.

"Kalau kita lihat pada aktiviti pertanian dan penternakan di muara sungai ini iaitu merujuk kepada Sungai Selamat dan Sungai Kulim, semuanya mempunyai lesen serta dikawal oleh agensi-agensi kerajaan secara berkualiti.

"Jadi air kumbahan daripada aktiviti pertanian dan penternakan yang mengalir masuk ke dua sungai ini ia dinilai tidak tercemar.

"Gambarannya air sungai yang mengalir ini adalah hidup dan dikategorikan sebagai tidak tercemar," jelasnya semasa



MOHD. Fathoni Hasnaani.

ditemu ramah di kediamannya dekat Kampung Guar Jering dekat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Penanti pada 27 September lalu.

Salah satu sebab air sungai di sini 'hidup' dan tidak tercemar, menurut beliau, adalah kerana aktiviti pertanian dan penternakan di sini memang mempunyai loji rawatan air




BARISAN ahli jawatankuasa MPKK Kampung Terus menunjukkan replika cek yang dimenangi.

mereka sendiri.

"Selepas habis sesi pembentangan di Putrajaya, kumpulan juri membuat penilaian di tapak, yang mana semasa mereka datang ke sini, mereka melihat sendiri pelbagai aktiviti menangkap ikan sungai ini.

"Hasil tinjauan kumpulan juri, mereka sendiri melihat hasil tangkapan nelayan sungai yang ditemui seperti ikan, udang galah dan sebagainya, menandakan sungai di sini bukan sahaja tidak tercemar, malah adalah sungai yang 'hidup' dan ada oksigen.

"Udang galah kalau dari ladang ternak ia kelihatan kebiru-biruan, tetapi udang galah yang ditangkap dari sungai di sini kelihatan berkilat dan jernih.

"Kami yang mengiringi kumpulan juri menelusuri sungai di sini juga turut terkejut kerana mendapati ada sekawan ikan sedang berenang di permulaan air.

"Gambarannya di sini kalau dilihat pada warna air barangkali sesetengah pihak mungkin akan mempersoal - macam ini pun boleh menang anugerah - ada hidupan dalam sungai ini sebab sungai ini memang 'hidup'," ujarnya sambil memberitahu bahawa di sepanjang sungai ini juga adalah tempat persinggahan burung hijrah.

Pada hari kumpulan juri membuat penilaian di tapak, Mohd. Fathoni menyatakan bahawa mereka mendapati ada tujuh bot nelayan sedang menjalankan aktiviti di sungai berkaitan dengan hasil tangkapan seperti ikan dan udang sungai segar.

"Mungkin, aspek ini juga menyumbang kelebihan kepada MPKK Kampung Terus dipilih sebagai johan kategori dalam anegerah tersebut," jelasnya lagi.

